

Etika berpakaian tangani gejala sosial

■ ILMU Pengetahuan Terapan

PIHK Berkuala Tempatan (PBT) seluruh negara harus diberi kuasa undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap orang ramai terutama muda-mudi yang berpakaian kurang sopan atau mencolok mata di tempat awam. Beberapa pertubuhan bukan kerajaan (NGO) menyifatkan langkah itu wajar, selain mendidik generasi muda memperkuuh jati diri agar tidak terikut-ikut dengan gaya, cara berpakaian dan trend negara Barat.

Semalam, *Berita Harian* melaporan gesaan beberapa NGO supaya PBT menetapkan etika berpakaian di tempat awam. Presiden Persatuan Penggerak Pembangunan Komuniti Malaysia (Macom), Norizan Sharif, misalnya mahu kerajaan membuat definisi yang dimaksudkan sebagai pakaian tidak sopan atau pakaian yang dilarang di tempat awam sebelum PBT mengadakan undang-undang kecil mengenainya.

Persatuan Mahasiswa Islam Universiti Putra Malaysia (PMIUPM) menyokong gesaan yang dibuat NGO itu. PMIUPM melihat perkara yang dibangkitkan itu sebagai sesuatu yang agak penting perlu diteliti dan diambil tindakan PBT.

Hari ini kita boleh melihat corak berpakaian masyarakat Malaysia di tempat awam tertutama di bandar besar semakin rosak dan tidak senonoh. Banyak yang berpakaian mencolok mata sehingga boleh menimbulkan rasa tidak selesa kepada pengunjung lain.

Panduan berpakaian yang perlu dibentuk ini bukanlah bertujuan mengongkong cara berpakaian generasi muda hari ini. Tetapi dilihat lebih kepada mewujudkan kesedaran bersama agar setiap individu dalam masyarakat menghormati hak anggota masyarakat lain.

Ada ibu bapa yang rasa begitu bimbang pemergian anak mereka ke kota raya. Mereka bimbang anak terpengaruh dengan corak berpakaian dan pergaulan generasi muda yang

tidak menampilkan ciri-ciri kesopanan dan ketimuran.

Bagi yang sudah berkeluarga, mereka berasa janggal melihat gelagat anak muda zaman ini yang berpakaian mencolok mata ketika beriadah dan bersiar-siar di tempat awam.

Seperti dibangkitkan oleh NGO, pembentukan panduan berpakaian itu juga penting dari sudut bagi mengukuhkan jati diri dan gaya hidup di kalangan generasi muda hari ini.

Jika diperhatikan, kebanyakan remaja pada hari ini lebih terpengaruh dengan cara berpakaian trend negara Barat. Kita bimbang jika ini menjadi bibit-bibit yang boleh menghancurkan hasrat kerajaan dalam Wawasan 2020 bagi membentuk masyarakat mengikut acuan kita sendiri.

Kepentingan mewujudkan panduan ini tidak boleh dinafikan lagi. Perkara ini boleh kita lihat daripada kesungguhan sebuah bandar di Louisiana, Amerika Syarikat, yang menguatkuasakan rang undang-undang bagi mendenda mereka yang memakai seluar londoh sehingga menampakkan seluar dalam dan mengisyiharkan memakai seluar itu sebagai satu jenayah.

PMIUPM juga melihat pewujudan etika berpakaian bahkan bergaul di khalayak ini turut perlu dan penting untuk ditekankan di sekolah dan institusi pengajian tinggi. Kita sedia maklum terdapat banyak sekolah atau universiti etika berpakaian tersendiri yang cukup bagus.

Bagaimanapun, pelaksanaannya masih pada tahap amat lemah. Justeru, PMIUPM menyeru agar pihak yang bertanggungjawab memperteguhkan pelaksanaan etika berpakaian dan etika pergaulan demi menyelamatkan generasi muda yang akan mewarisi negara ini.

MOHD HASSAN SUKIMAN,
Presiden Persatuan
Mahasiswa Islam UPM.